

LAPORAN JAWATANKUASA MAJLIS DEKAN-DEKAN PENGAJIAN ISLAM MENKKAJI PROFIL PENGAJIAN ISLAM INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA)

Mohd. Nasran Mohamad¹
Ruzman Md. Noor²
Muhamad Rahimi Osman³
Engku Ahmad Zaki Engku Alwi⁴
Badri Najib Zubir⁵
Mohd. Rushdan Mohd Jailani⁶
Adnan Mohammad Yusoff⁷
Asmaddy Haris⁸
Kamarul Azmi Jasmi⁹

¹Dean of Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Pengarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

³Pengarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi Mara (UiTM)

⁴Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

⁵Dekan, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

⁶Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

⁷Dekan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

⁸Dekan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

⁹Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Mohamad, M. N., Md. Noor, R., Osman, M. R., Engku Alwi, E. A. Z., Zubir, B. N., Mohd Jailani, M. R., Mohammad Yusoff, A., Haris, A., & Jasmi, K. A. (2011). [Laporan Jawatankuasa Majlis Dekan-Dekan Pengajian Islam Mengkaji Profil Pengajian Islam Institusi Pengajian Tinggi Awam \(IPTA\)](#) . Putrajaya: Bahagian Pengurusan Akademik JPT, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

INTRODUCTION

Permintaan tinggi kepada aliran pengajian Islam dan perkembangan positif program-program pengajian Islam di institusi pengajian tinggi awam menyebabkan pihak Kementerian Pengajian Tinggi melalui jabatan Pengajian Tinggi (JPT) merasakan satu kajian menyeluruh perlu dilakukan bagi mengenalpasti bentuk dan kesesuaian program-program pengajian Islam yang ditawarkan IPTA di samping merangka mekanisme dan strategi bagi memasarkan program pengajian Islam di peringkat antarabangsa. Selain daripada itu, kajian juga perlu dilakukan bagi mengenal pasti sumbangan dan *output* kakitangan akademik dalam penyelidikan, penerbitan, perundingan serta sumbangan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Sehubungan itu, Majlis Dekan-Dekan Pengajian Islam IPTA pada 8 Februari 2011 di Bilik Mesyuarat Ibnu Nafis 1, Aras 3 Jabatan Pengajian Tinggi, telah membentuk satu Jawatankuasa bagi merealisasikan menjalankan penyelidikan berkenaan Kajian Profil Pengajian Islam IPTA. Pengarah Bahagian Pengurusan Akademik JPT, Prof. Madya Dr. Zarida Hambali bersetuju memperuntukkan dana berjumlah RM25,000.00 untuk tempoh 3 bulan bermula 1 Mac hingga 31 Mei 2011. Kajian ini penting sebagai asas kepada segala mekanisme dan perancangan masa depan dalam membina hala tuju pengajian Islam yang lebih berdaya saing diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.

LAPORAN
JAWATANKUASA MAJLIS DEKAN-DEKAN PENGAJIAN ISLAM
MENGKAJI
PROFIL PENGAJIAN ISLAM INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA)

PENGERUSI
Prof. Dr. Mohd. Nasran Mohamad
Dekan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK JPT
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA
PUTRAJAYA
2011

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

1. Prof. Madya Dr. Ruzman Md. Noor
Pengarah
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya (UM)
2. Prof. Madya Dr. Muhamad Rahimi Osman
Pengarah
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU)
Universiti Teknologi Mara (UiTM)
3. Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi
Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar)
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
4. Dr. Badri Najib Zubir
Dekan
Kuliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
5. Dr. Mohd. Rushdan Mohd Jailani
Dekan
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
6. Dr. Adnan Mohammad Yusoff
Dekan
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
7. Dr. Asmaddy Haris
Dekan
Fakulti Ekonomi dan Muamalat
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

8. Dr. Kamarul Azmi Jasmi
Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

9. Dr. Kamarul Azmi Jasmi
Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

10. En. Md. Yunus Abd Aziz
Timbalan Dekan
Fakulti Syariah dan Muamalat
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

KANDUNGAN

BIL.	KANDUNGAN	HALAMAN
1	PENGENALAN	6
2	LATARBELAKANG DAN PERMASALAHAN KAJIAN	6
3	OBJEKTIF KAJIAN	8
4	PERSOALAN KAJIAN	8
5	METODOLOGI KAJIAN	9
6	BATASAN KAJIAN	9
7	KEPENTINGAN KAJIAN	9
8	ANALISIS DAPATAN KAJIAN	10
	8.1 Program Sarjanamuda Bidang Pengajian Islam	10
	8.1.1 Program yang ditawarkan	10
	8.1.2 Syarat Masuk	14
	8.1.3 Jumlah Kemasukan	16
	8.1.4 Jumlah Enrolmen	16
	8.1.5 Jumlah Graduasi	16
	8.2 Program Sarjana Bidang Pengajian Islam	18
	8.2.1 Program yang ditawarkan	18
	8.2.2 Syarat Masuk	21
	8.2.3 Jumlah Kemasukan	24
	8.2.4 Jumlah Enrolmen	25
	8.2.5 Jumlah Graduasi	25
	8.3 Program Doktor Falsafah Bidang Pengajian Islam	26
	8.3.1 Program yang ditawarkan	26
	8.3.2 Syarat Masuk	29
	8.3.3 Jumlah Kemasukan	33
	8.3.4 Jumlah Enrolmen	34
	8.3.5 Jumlah Graduasi	34

8.4 Profil Tenaga Akademik Bidang Pengajian Islam	35
8.4.1 Kelulusan dan Kelayakan	36
8.4.2 Penyelidikan	38
8.4.3 Penerbitan	40
8.4.4 Perundingan	43
8.4.5 Sumbangan	44
9. PENUTUP	45
Lampiran A	46

1. PENGENALAN

Permintaan tinggi kepada aliran pengajian Islam dan perkembangan positif program-program pengajian Islam di institusi pengajian tinggi awam menyebabkan pihak Kementerian Pengajian Tinggi melalui jabatan Pengajian Tinggi (JPT) merasakan satu kajian menyeluruh perlu dilakukan bagi mengenalpasti bentuk dan kesesuaian program-program pengajian Islam yang ditawarkan IPTA di samping merangka mekanisme dan strategi bagi memasarkan program pengajian Islam di peringkat antarabangsa. Selain daripada itu, kajian juga perlu dilakukan bagi mengenalpasti sumbangan dan *output* kakitangan akademik dalam penyelidikan, penerbitan, perundingan serta sumbangan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Sehubungan itu, Majlis Dekan-Dekan Pengajian Islam IPTA pada 8 Februari 2011 di Bilik Mesyuarat Ibnu Nafis 1, Aras 3 Jabatan Pengajian Tinggi, telah membentuk satu Jawatankuasa bagi merealisasikan menjalankan penyelidikan berkenaan Kajian Profil Pengajian Islam IPTA. Pengarah Bahagian Pengurusan Akademik JPT, Prof. Madya Dr. Zarida Hambali bersetuju memperuntukkan dana berjumlah RM25,000.00 untuk tempoh 3 bulan bermula 1 Mac hingga 31 Mei 2011. Kajian ini penting sebagai asas kepada segala mekanisme dan perancangan masa depan dalam membina hala tuju pengajian Islam yang lebih berdaya saing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

2. LATAR BELAKANG DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Pengajian Islam di peringkat tinggi bermula di Malaysia sejak tahun 1955 dengan tertubuhnya Kolej Islam Malaya (KIM) bagi menampung keperluan pelajar-pelajar aliran agama ketika itu (Zulkiple Abd. Ghani 2005). Manakala Jabatan Pengajian Islam ditubuhkan pada tahun 1959 hasil dari hubungan yang formal antara Kolej Islam Malaya pada waktu itu dan Universiti Malaya. Jabatan ini merupakan sebuah jabatan di bawah Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya. Sejak dari waktu itu Majlis Kolej Islam Malaya berfungsi sebagai penguasa

eksekutif kepada jabatan berkenaan, manakala Senat Universiti Malaya pula mengawasi segala yang berhubung dengan hal-hal akademik. Apabila Majlis Kolej Islam Malaya dibubarkan pada

tahun 1970, Jabatan Pengajian Islam telah diletakkan di bawah bidangkuasa Majlis dan Senat Universiti Malaya. Perjuangan golongan agama supaya sebuah Universiti Islam dibentuk bagi menggantikan Kolej Islam Malaya pada ketika itu kurang berjaya. Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang sebelum ini dicanang sebagai pengganti kepada Kolej Islam Malaya tidak menjadi kenyataan apabila Kerajaan pada tahun 1970 hanya meluluskan penubuhan sebuah Fakulti Islam bersama-sama dua buah fakulti lain iaitu Fakulti Sains dan Fakulti Sastera.

Akademi Islam Universiti Malaya pula ditubuhkan pada tahun 1981 hasil pengambilalihan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK). Pada tahun 1996 Akademi Islam telah bergabung dengan Jabatan Pengajian Islam dan membentuk Akademi Pengajian Islam (API) sebagaimana yang dikenali hari ini. Selepas penubuhan Fakulti Pengajian Islam UKM dan Akademi Pengajian Islam UM yang menawarkan program pengajian Islam, beberapa buah Universiti Awam baru dan lama turut sama berminat untuk menawarkan program-program dalam bidang pengajian Islam. Antaranya ;

- a. Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, UIAM pada tahun 1983.
- b. Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM pada tahun 2000.
- c. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM pada tahun 2000.
- d. Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM pada tahun 2000.
- e. Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM pada tahun 2001.
- f. Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA pada tahun 2006.
- g. Fakulti Tamadun Islam UTM pada tahun 2009 .

3. OBJEKTIF KAJIAN

- a. Mengenalpasti kluster pelajar pengajian Islam berdasarkan tahap pengajian yang ditawarkan di IPTA yang menawarkan program-program pengajian Islam di IPTA dari aspek kemasukan, enrolmen dan graduasi.
- b. Mengenalpasti perbezaan tenaga akademik pengajian Islam dari aspek kelulusan/kelayakan, penyelidikan, penerbitan, perundingan serta sumbangan dalam khidmat kepada Negara.
- c. Menganalisis perkembangan program-program serta tahap ijazah yang ditawarkan IPTA dalam bidang Pengajian Islam.
- d. Mencadangkan kepada pihak kementerian mekanisme-mekanisme baru dan penambahbaikan kepada mekanisme sedia ada dalam meningkatkan mutu dan halatuju pengajian Islam di peringkat antarabangsa.

4. PERSOALAN KAJIAN

- a. Apakah bentuk kluster program-program pengajian Islam yang ditawarkan di IPTA dari aspek kemasukan, enrolmen dan graduasi?
- b. Sejauhmanakah keupayaan tenaga akademik pengajian Islam antara IPTA dalam bidang pengajaran dan pembelajaran (kelulusan/kelayakan), penyelidikan, penerbitan, perundingan dan sumbangan kepada Negara?
- c. Sejauhmanakah perkembangan program-program serta tahap ijazah yang ditawarkan IPTA dalam bidang pengajian Islam?

5. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah bersifat deskriptif melalui data-data yang dikumpul melalui analisis kandungan dan penyelidikan daripada bahan-bahan arkib. Sampel yang dipilih adalah kakitangan akademik pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seluruh Malaysia. Data-data yang dikumpul telah dianalisis menggunakan Microsoft Office Excel 2008.

6. BATASAN KAJIAN

Skop kajian meliputi jenis-jenis program pengajian Islam serta tahap ijazah yang dikeluarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dari tahun 2006 hingga 2010. Dari sudut permintaan, kajian ini melihat bilangan kemasukan, enrolmen serta graduasi. Manakala bagi tenaga akademik, kajian ini melihat kepada sumbangan atau *output* mereka dalam penyelidikan, penerbitan, perundingan dan khidmat di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Walau bagaimanapun kajian ini tidak meliputi kebolehpasaran graduan disebabkan data yang diperolehi adalah secara umum bagi semua pelajar di sesebuah IPTA. Ia tidak khusus kepada program pengajian Islam sebagaimana yang dikehendaki. Justeru, satu kajian lanjut perlu dilakukan untuk tujuan tersebut

7. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian profil program pengajian Islam ini amat penting kerana ia melibatkan kepentingan masa depan pengajian Islam di Malaysia pada keseluruhannya. Kajian ini dapat memberi input kepada kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi dalam merangka strategi dan mekanisme bagi memasarkan program pengajian Islam di bukan sahaja diperingkat kebangsaan, malahan di peringkat antarabangsa.

8. ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Sebanyak tujuh buah universiti yang menawarkan program-program dalam pengajian Islam di peringkat Fakulti kecuali Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) (yang hanya menawarkan pengajian Islam di peringkat kursus) telah terlibat dalam penyelidikan ini. Universiti-universiti tersebut adalah seperti berikut;

- A. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- B. Universiti Malaya (UM)
- C. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- D. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- E. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
- F. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- G. Universiti teknologi Mara (UiTM)

Bagi memudahkan memahami profil universiti-universiti yang disenaraikan, laporan ini akan membahagikan laporan ini kepada tiga iaitu, kemasukan, enrolmen dan graduasi berdasarkan tiga tahap pengajian iaitu, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah.

8.1 Program Sarjanamuda bidang Pengajian Islam

8.1.1 Program yang ditawarkan

UNIVERSITI	PROGRAM SARJANAMUDA	IJAZAH YANG DITAWARKAN	TEMPOH PENGAJIAN
UKM	Syariah	Sarjanamuda Pengajian Islam dengan Keupujian (Syariah)	3 tahun (6 semester)
	Usuluddin dan Falsafah	Sarjanamuda Pengajian Islam dengan Keupujian (Usuluddin dan Falsafah)	
	Pengajian Arab dan Tamadun Islam	Sarjanamuda Pengajian Islam dengan Keupujian (Pengajian Arab dan Tamadun Islam)	

	Pengajian Dakwah dan Kepimpinan	Sarjanamuda Pengajian Islam dengan Kepujian (Pengajian Dakwah dan Kepimpinan)	
	Pengajian al-Quran dan al-Sunnah	Sarjanamuda Pengajian Islam dengan Kepujian (Pengajian al-Quran dan al-Sunnah)	
UM	Syariah (Fiqh & Usul)	Sarjanamuda Syariah dengan Kepujian (Fiqh & Usul)	3 ½ tahun (7 semester)
	Syariah (Syariah & Ekonomi)	Sarjanamuda Syariah dengan Kepujian (Syariah & Ekonomi)	
	Syariah (Sains Politik Islam)	Sarjanamuda Syariah dengan Kepujian (Sains Politik Islam)	
	Syariah (Astronomi Islam)	Sarjanamuda Syariah dengan Kepujian (Astronomi Islam)	
	Usuluddin (Akidah & Pemikiran Islam)	Sarjanamuda Usuluddin dengan Kepujian (Akidah & Pemikiran Islam)	
	Usuluddin (Dakwah & Pembangunan Insan)	Sarjanamuda Usuluddin dengan Kepujian (Dakwah & Pembangunan Insan)	
	Usuluddin (al-Quran & al-Hadith)	Sarjanamuda Usuluddin dengan Kepujian (al-Quran & al-Hadith)	
	Usuluddin (Sejarah & Tamadun Islam)	Sarjanamuda Usuluddin dengan Kepujian (Sejarah & Tamadun Islam)	
	Pengurusan Muamalat	Sarjanamuda Pengurusan Muamalat dengan Kepujian	4 tahun (8 semester)
	Syariah & Undang-undang	Sarjanamuda Syariah & Undang-undang dengan Kepujian	
	Pendidikan Islam (Pengajian Islam/Pengajian al-Quran)	Sarjanamuda Pendidikan Islam dengan Kepujian (Pengajian Islam) Sarjanamuda Pendidikan Islam dengan Kepujian (Pengajian al-Quran)	

	Sains Gunaan dengan Pengajian Islam	<p>Sarjanamuda Sains Gunaan dengan Pengajian Islam dengan Kepujian (Alam Sekitar)</p> <p>Sarjanamuda Sains Gunaan dengan Pengajian Islam dengan Kepujian (Bioinformatik)</p> <p>Sarjanamuda Sains Gunaan dengan Pengajian Islam dengan Kepujian (Biokimia)</p> <p>Sarjanamuda Sains Gunaan dengan Pengajian Islam dengan Kepujian (Bioteknologi)</p> <p>Sarjanamuda Sains Gunaan dengan Pengajian Islam dengan Kepujian (Ekologi & Biodiversiti)</p> <p>Sarjanamuda Sains Gunaan dengan Pengajian Islam dengan Kepujian (Genetik & Biologi Molekul)</p> <p>Sarjanamuda Sains Gunaan dengan Pengajian Islam dengan Kepujian (Mikrobiologi)</p> <p>Sarjanamuda Sains Gunaan dengan Pengajian Islam dengan Kepujian (Biokesihatan)</p> <p>Sarjanamuda Sains Gunaan dengan Pengajian Islam dengan Kepujian (Teknologi Maklumat)</p>	3 ½ tahun (7 semester)
UIAM	Pengajian Qur'an dan Sunnah	Ijazah Sarjana Muda Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Warisan Islam dengan Kepujian (Pengajian Qur'an dan Sunnah)	4 tahun (8 semester)
	Usuluddin dan Perbandingan Agama	Ijazah Sarjana Muda Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Warisan Islam dengan Kepujian	

		(Usuluddin dan Perbandingan Agama)	
	Bahasa dan Kesusasteraan Arab	Ijazah Sarjana Muda Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Warisan Islam dengan Kepujian (Bahasa dan Kesusasteraan Arab)	
	Fikah dan Usul Fikah	Ijazah Sarjana Muda Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Warisan Islam dengan Kepujian (Fikah dan Usul Fikah)	
UNISZA	Pendidikan & Tamadun Islam	Sarjanamuda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian	4 tahun (8 semester)
	Dakwah	Sarjanamuda Pengajian Islam (Dakwah) dengan Kepujian	
	Syariah	Sarjanamuda Pengajian Islam (Syariah) dengan Kepujian	
	Usuluddin	Sarjanamuda Pengajian Islam (Usuluddin) dengan Kepujian	
	Usuluddin & Kaunseling	Sarjanamuda Pengajian Islam (Usuluddin & Kaunseling) dengan Kepujian	
	Sains Sosial	Sarjanamuda Sains Sosial (Antropologi & Dakwah) dengan Kepujian	
USIM (FKP)	Dakwah dan Pengurusan Islam	Sarjanamuda Dakwah dan Pengurusan dengan Kepujian	4 tahun (8 semester)
USIM (FPQS)	Pengajian Quran dan Sunnah	Sarjanamuda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian	4 tahun (8 semester)
	Pengajian Quran dengan Multimedia	Sarjanamuda Pengajian Quran dengan Multimedia	
	Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat	Sarjanamuda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat	

USIM (FEM)	Muamalat	Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian	4 tahun (8 semester)
	Perakaunan	Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian	
	Pemasaran Kewangan	Sarjana Muda Pemasaran Kewangan dengan Kepujian	
	Pentadbiran Korporat	Sarjana Muda Pentadbiran Korporat dengan Kepujian	
USIM (FSU)	Syariah dan Undang-undang	Sarjanamuda Syariah dan Undang-undang dengan Kepujian	4 tahun (8 semester)
	Fiqh dan Fatwa	Sarjanamuda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian	

8.1.2 Syarat Masuk

a) Warganegara

Sila lihat Lampiran A

b) Bukan Warganegara

IPTA	SPM/ O LEVEL	STPM/STAM/A LEVEL/ KELULUSAN LAIN	KEPERLUAN KHUSUS
UKM	Lulus O Level atau Rabi' Thanawi	Bagi calon Warga Indonesia – Lulus Ujian Akhir Nasional (UIAN) dengan sekurang-kurangnya Gred 8.0 atau Keputusan Akhir menengah Atas dengan memdapat gred 8.5 dalam mata pelajaran bahasa Arab, Syariah atau Usuludin dan satu (1) matapelajaran lain.	Mahir dalam berbahasa Melayu
UM	Lulus		Mempunyai kelayakan dalam bahasa Arab
UIAM	Lulus dengan gred yang baik	Mana-mana sijil tamat persekolahan menengah dari	Mencapai tahap 6 dalam English

		mana-mana negara dengan syarat sijil tersebut pada gred yang baik dan diperolehi setelah mengikuti sekurang-kurangnya 12 tahun pengajian rendah dan menengah	Placement Test dan Arabic Placement Test
UniSZA	Lulus	Sama dengan FPI UKM	Mahir dalam bahasa Arab dan amat dialu-alukan kemampuan berbahasa Melayu
USIM (FKP)	<ul style="list-style-type: none"> - Lulus SPM/O level atau setaraf dan diiktiraf oleh Senat USIM; - Memperolehi Kredit dalam TIGA (3) subjek yang berkaitan dengan program yang dipohon; dan -Memperolehi Kredit dalam subjek Bahasa Arab Komunikasi/Bahasa Arab Tinggi/setaraf; dan -Memperolehi Kredit dalam subjek Bahasa Inggeris 	<ul style="list-style-type: none"> - Memiliki atau setaraf dan diiktiraf oleh Senat USIM; -Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 atau setaraf; atau -Mendapat tahap Jayyid dan ke atas atau setaraf; 	<ul style="list-style-type: none"> -Menunjukkan kefasihan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab yang setaraf dengan TOEFL 450 dan ke atas; atau IELTS 5 dan ke atas atau MUET Band 3 dan ke atas atau mana-mana ujian yang setaraf dan diiktiraf oleh Senat USIM; dan -Menunjukkan penyata kewangan yang baik/penyata biasiswa kepada USIM.
USIM (FPQS)	Sama dengan FKP USIM	Sama dengan FKP USIM	Sama dengan FKP USIM
USIM (FEM)	Sama dengan FKP USIM	Sama dengan FKP USIM	Sama dengan FKP USIM
USIM (FSU)	- Sama dengan FKP USIM	Sama dengan FKP USIM	Sama dengan FKP USIM

8.1.3 Jumlah Kemasukan

Melihat kepada aspek kemasukan pelajar di peringkat Sarjanamuda, hasil analisis dapatan kajian daripada 2006-2010 menunjukkan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mencapai bilangan kemasukan yang tertinggi dari pelbagai fakulti yang menawarkan pengajian Islam iaitu seramai 4240 orang (purata 848 orang setahun), diikuti oleh Akademi pengajian Islam Universiti Malaya (UM) 2106 orang (purata 421.2 orang setahun), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2044 orang (purata 408 orang setahun), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 1671 orang (purata 334.2 orang setahun) dan akhir sekali Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) iaitu seramai 1297 orang (purata 259.4 orang setahun). Jelasnya, keseluruhan dapatan kajian menunjukkan USIM telah menawarkan jumlah kemasukan pelajar Sarjanamuda bidang Pengajian Islam yang tertinggi berbanding IPTA yang lain manakala UIAM adalah yang paling rendah.

8.1.4 Jumlah Enrolmen


Dari aspek enrolmen pelajar di peringkat Sarjanamuda, hasil analisis dapatan kajian daripada 2006-2010 menunjukkan Akademi pengajian Islam Universiti Malaya (UM) telah mencapai bilangan enrolmen yang tertinggi iaitu 7607 orang (purata 1521.4 orang setahun), diikuti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 6346 (purata 1269.2 orang setahun), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 5757 orang (purata 1151.4 orang setahun), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 5428 orang (purata 1085.6 orang setahun) dan akhir sekali Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) iaitu 3911 (purata 782.2 orang setahun). Jelasnya, keseluruhan dapatan kajian menunjukkan UM telah menunjukkan jumlah enrolmen yang tertinggi di peringkat Sarjanamuda manakala UniSZA adalah yang paling rendah.

8.1.5 Jumlah Graduasi

Melihat dari aspek jumlah graduasi pelajar di peringkat Sarjanamudapula, hasil analisis dapatan kajian daripada 2006-2010 menunjukkan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memiliki jumlah graduan tertinggi dari pelbagai fakulti yang menawarkan pengajian Islam iaitu 2253 orang

pelajar (purata 450.6 orang setahun) , diikuti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 1926 orang pelajar (purata 385.2 orang setahun), Akademi pengajian Islam Universiti Malaya (UM) 1753 orang pelajar (purata 350.6 orang setahun), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 1987 oang pelajar (purata 397.4 orang setahun) dan akhir sekali Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) iaitu 536 (purata 107.2 orang setahun). Jelasnya, keseluruhan dapatan kajian menunjukkan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menunjukkan jumlah graduasi yang tertinggi di peringkat sarjanamudamanakala UniSZA adalah yang paling rendah. Perincian kepada keseluruhan analisis dapatan kajian di atas dapat dilihat pada rajah 1 di bawah

Rajah 1 : Profil pelajar Sarjanamuda pengajian Islam IPTA Malaysia



*UiTM dan UTM belum menawarkan ijazah Sarjana Pengajian Islam

8.2 Program Sarjana bidang Pengajian Islam

8.2.1 Program yang ditawarkan

IPTA	PROGRAM SARJANA	IJAZAH YANG DITAWARKAN	BENTUK PROGRAM	TEMPOH PENGAJIAN
UKM	Syariah	Sarjana Pengajian Islam (Syariah)	1.Kerja kursus dan Disertasi 2.Penyediaan Tesis	Sepenuh Masa 2 – 6 Semester Separuh Masa 4 – 12 Semester
	Usuluddin dan Falsafah	Sarjana Pengajian Islam (Usuluddin dan Falsafah)		
	Pengajian Arab dan Tamadun Islam	Sarjana Pengajian Islam (Pengajian Arab dan Tamadun Islam)		
	Pengajian Dakwah dan Kepimpinan	Sarjana Pengajian Islam (Pengajian Dakwah dan Kepimpinan)		
	Pengajian al-Quran dan al-Sunnah	Sarjana Pengajian Islam (Pengajian al-Quran dan al-Sunnah)		
UM	Syariah	Sarjana Syariah	1.Kerja kursus dan Disertasi 2.Disertasi	Minima: 2 semester Maksima: 8 semester
	Sarjana Usuluddin	Sarjana Usuluddin		
	Sarjana Pengajian Islam	Sarjana Pengajian Islam	Disertasi	
UIAM	Pengajian Qur'an dan Sunnah	Ijazah Sarjana Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Warisan Islam (Pengajian Qur'an dan Sunnah)	1.Kerja kursus dan Disertasi 2.Penyediaan Tesis	1.Kerja Kursus dan Disertasi Sepenuh Masa 4 Semester Separuh Masa 6 – 8 Semester 2. Penyediaan Tesis Sepenuh Masa 4 Semester Separuh Masa 6 - 8 Semester
	Usuluddin dan Perbandingan Agama	Ijazah Sarjana Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Warisan Islam (Usuluddin dan Perbandingan Agama)	Kerja kursus dan Disertasi	
	Fikah dan Usul Fikah	Ijazah Sarjana Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Warisan Islam (Fikah dan Usul Fikah)		
	Pengajian	Ijazah Sarjana Sains		

	Linguistik Arab	Kemanusiaan (Pengajian Linguistik Arab)		
	Pengajian Kesusasteraan Arab	Ijazah Sarjana Sains Kemanusiaan (Pengajian Kesusasteraan Arab)		
	Pengajian Pengajaran Bahasa Arab	Ijazah Sarjana Sains Kemanusiaan (Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua)		
UniSA	Pengajian Syariah	Sarjana Syariah	Penyediaan Tesis	Sepenuh Masa 2 – 6 Semester Separuh Masa 3 – 10 Semester
	Pengajian Usuluddin	Sarjana Usuluddin		
	Pengajian Dakwah	Sarjana Dakwah		
	Pengajian al-Quran & al-Sunnah	Sarjana al-Quran & al-Sunnah		
	Pengajian Arab dan Tamadun Islam	Sarjana Pengajian Arab & Tamadun Islam		
	Pendidikan Islam	Sarjana Pendidikan Islam		
USIM (FKP)	Dakwah dan Kepimpinan Islam	Sarjana Dakwah dan Kepimpinan Islam	Kerja Kursus	Sepenuh Masa 3-6 semester
	Dakwah dan Pengurusan Islam	Sarjana Dakwah dan Pengurusan Islam	Penyelidikan dan Tesis	Separuh Masa 5-8 semester
USIM	Quran dan	Sarjana Quran dan Sunnah	Penyelidikan dan	Sepenuh Masa

(FPQS)	Sunnah		Tesis	3-6 semester Separuh Masa 5-8 semester
USIM (FEM)				
	Pentadbiran Muamalat	Sarjana Pentadbiran Muamalat	Kerja kursus	Sepenuh Masa 3-6 semester
	Pentadbiran Muamalat (Produk Halal)	Sarjana Pentadbiran Muamalat (Produk Halal)	Kerja kursus dan Kajian Kes	Separuh Masa 5-8 semester
	Pentadbiran Muamalat	Sarjana Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat	Penyediaan Thesis	
USIM (FSU)				
	Syariah	Sarjana Syariah	Penyelidikan dan Tesis	Sepenuh Masa 3-6 semester
	Syariah dan Kehakiman	Sarjana Syariah dan Kehakiman		Separuh Masa 5-8 semester
	Undang-undang	Sarjana Undang-undang		
	Undang-undang Perbandingan	Sarjana Undang-undang Perbandingan		
UTM				
	Sains Halal	Sarjana Sains Halal	Penyelidikan dan Tesis	Sepenuh Masa 3-6 semester Separuh Masa 5-8 semester

8.2.2 Syarat Masuk (Warganegara dan Bukan Warganegara)

IPTA	PROGRAM	KELULUSAN IJAZAH SARJANAMUDA	KELULUSAN LAIN	KEPERLUAN KHUSUS
UKM	Syariah	Lulus Ijazah Sarjanamuda Bidang Pengajian Islam dengan kepujian yang baik	Kelulusan lain yang setaraf dan mempunyai kelayakan lain atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat	1. Menduduki Ujian Kelayakan Bahasa Arab. Pengecualian diberikan kepada calon yang bahasa ibundanya Bahasa Arab. 2. Calon dari luar negara yang tidak mencapai skor minimum TOEFL 550 dan IELTS band 5 diwajibkan menduduki Ujian Kelayakan dan Kecekapan bahasa Inggeris (UKK).
	Usuluddin dan Falsafah			
	Pengajian Arab dan Tamadun Islam			
	Pengajian Dakwah dan Kepimpinan			
	Pengajian al-Quran dan al-Sunnah			
UM	Syariah	Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan PNGK 3.0 dan ke atas	ATAU Kelayakan lain yang diluluskan oleh Senat dari masa ke semasa	Bagi calon antarabangsa yang mengikuti dan atau menulis Disertasi dalam Bahasa Inggeris perlu mempunyai sekurang-kurangnya IELTS 6.0 atau TOEFL 550 jika Ijazah Pertama dari Universiti di mana bahasa Inggeris bukan bahasa perantara (penyampaian pengajaran) Atau lulus kursus Bahasa Inggeris yang ditetapkan oleh universiti
	Usuluddin	Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan PNGK 3.0 dan ke atas		
	Pengajian Islam	Ijazah Sarjana Muda dari bidang lain selain dari bidang Syariah atau bidang Usuluddin dengan PNGK 3.0 dan ke atas		
UIAM	Pengajian Qur'an dan Sunnah	Lulus dengan kepujian yang baik dalam bidang berkaitan Qur'an/Sunnah.	Kelulusan lain yang setaraf dan mempunyai kelayakan lain atau pengalaman	1. Menduduki Ujian Kelayakan Bahasa Arab. Pengecualian diberikan kepada calon yang
	Usuluddin dan Perbandingan Agama	Lulus dengan kepujian yang baik dalam bidang berkaitan Usuluddin		

			yang diiktiraf oleh Senat	bahasa ibundanya Bahasa Arab. 2. Mencapai skor minimum TOEFL 550 dan IELTS band 6.
	Fikah dan Usul Fikah	Lulus dengan kepujian yang baik dalam bidang berkaitan Fikah		
	Pengajian Linguistik Arab	Lulus dengan kepujian yang baik dalam bidang berkaitan Bahasa Arab		
	Pengajian Kesusasteraan Arab	Lulus dengan kepujian yang baik dalam bidang berkaitan Bahasa Arab		
	Pengajian Pengajaran Bahasa Arab	Lulus dengan kepujian yang baik dalam program yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar		
UniSZA	Pengajian Syariah	Lulus Ijazah Sarjanamuda dengan Kepujian atau calon memiliki 3 tahun pengalaman bekerja	Kelulusan lain yang setaraf dan mempunyai kelayakan lain atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat	
	Pengajian Usuluddin			
	Pengajian Dakwah			
	Pengajian al-Quran & al-Sunnah			
	Pengajian Arab dan Tamadun Islam			
	Pendidikan Islam			

USIM (FKP)	Dakwah dan Kepimpinan Islam	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang baik dalam bidang yang sesuai dengan bidang yang dipohon daripada USIM ;atau	Kelulusan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda yang Sesuai dengan mempunyai kelayakan lain atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat	Calon perlu mencapai skor minimum 460 TOEFL (paper based) atau 140 TOEFL (computer based) atau Band 5 IELTS atau Band 3 MUET Proses pembelajaran di dalam Bahasa Arab . Calon perlu lulus kursus Bahasa Arab yang ditentukan oleh universiti
	Dakwah dan Pengurusan Islam	Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang yang sesuai dengan bidang yang dipohon daripada mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat ; atau		
USIM (FPQS)	Quran dan Sunnah	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang baik dalam bidang yang sesuai dengan bidang yang dipohon daripada USIM ;atau Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang yang sesuai dengan bidang yang dipohon daripada mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat ; atau	Kelulusan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda yang Sesuai dengan mempunyai kelayakan lain atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat	Calon perlu mencapai skor minimum 460 TOEFL (paper based) atau 140 TOEFL (computer based) atau Band 5 IELTS atau Band 3 MUET Proses pembelajaran di dalam Bahasa Arab. Calon perlu lulus kursus Bahasa Arab yang ditentukan oleh universiti
USIM (FEM)	Pentadbiran Muamalat	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang baik dalam bidang yang sesuai dengan bidang yang dipohon daripada USIM ;atau	Kelulusan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda yang Sesuai dengan mempunyai kelayakan lain atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat	Calon perlu mencapai skor minimum 460 TOEFL (paper based) atau 140 TOEFL (computer based) atau Band 5 IELTS atau Band 3 MUET
	Pentadbiran Muamalat			
	Pentadbiran Muamalat (Produk Halal)	Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang yang sesuai		

		dengan bidang yang dipohon daripada mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat ; atau		dalam Bahasa Arab . Calon perlu lulus kursus Bahasa Arab yang ditentukan oleh universiti
USIM (FSU)	Syariah	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang baik dalam bidang yang sesuai dengan bidang yang dipohon daripada USIM ;atau	Kelulusan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda yang Sesuai dengan mempunyai kelayakan lain atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat	Calon perlu mencapai skor minimum 460 TOEFL (paper based) atau 140 TOEFL (computer based) atau Band 5 IELTS atau Band 3 MUET Proses pembelajaran di dalam Bahasa Arab . Calon perlu lulus kursus Bahasa Arab yang ditentukan oleh universiti
	Syariah dan Kehakiman			
	Undang-undang	Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang yang sesuai dengan bidang yang dipohon daripada mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat ; atau		
	Undang-undang Perbandingan			
UTM	Sains Halal	Ijazah Sarjanamuda Pengajian Islam dengan kepujian daripada mana-mana institusi sama ada dalam atau luar negara yang diiktiraf oleh Senat	Kelulusan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda yang Sesuai dengan mempunyai kelayakan lain atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat	Bagi pelajar antarabangsa, mereka perlu memperoleh markah ujian TOEFL 550 atau IELTS 6.0 oleh British Council atau kelayakan setara.

8.2.3 Jumlah Kemasukan

Bagi kumpulan sarjana, hasil analisis dapatan kajian daripada 2006-2010 bagi item kemasukan menunjukkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mencapai bilangan kemasukan yang tertinggi dari pelbagai fakulti yang menawarkan sarjana pengajian Islam iaitu seramai 1666 orang (purata 333.2 orang setahun), diikuti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

iaitu seramai 665 orang pelajar (purata 133 orang setahun), Akademi pengajian Islam Universiti Malaya (UM) seramai 504 orang pelajar (purata 100.8 orang setahun), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) iaitu seramai 143 orang pelajar (purata 28.6 orang setahun), dan akhir sekali Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), iaitu 33 orang pelajar (purata 6.6 orang setahun). Jelasnya dari aspek kemasukan bagi pelajar-pelajar sarjana UKM telah mencapai jumlah tertinggi dan UNISZA adalah yang paling rendah.


8.2.2 Jumlah Enrolmen

Bagi item enrolmen, analisis dapatan kajian daripada 2006-2010 terhadap enrolmen kumpulan sarjana menunjukkan Akademi pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) telah mencapai jumlah tertinggi iaitu 2495 (purata 499 orang setahun), diikuti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 1935 (purata 387 orang setahun), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 1660, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 264 orang (purata 52.8 orang setahun) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) 33 orang (purata 6.6 orang setahun). Jelasnya, keseluruhan dapatan kajian menunjukkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menunjukkan jumlah enrolmen yang tertinggi di peringkat sarjana manakala UniSZA adalah yang paling rendah.

8.2.3 Jumlah Graduasi

Bagi item graduasi pula, hasil analisis dapatan kajian terhadap kumpulan sarjana daripada 2006-2010 menunjukkan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM) telah mencapai jumlah graduasi tertinggi iaitu seramai 502 orang (purata 100.4 orang setahun), diikuti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 299 orang (purata 59.8 orang setahun), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 292 orang (purata 58.4 orang setahun) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 6 orang (purata 1.2 orang setahun). Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) tidak membekalkan maklumat berkenaan hal tersebut atau mencapai jumlah sifar. Perincian kepada keseluruhan analisis dapatan kajian di atas dapat dilihat pada rajah 2 di bawah;

Rajah 2 : Profil pelajar Sarjana pengajian Islam IPTA Malaysia



*UITM dan UTM belum menawarkan ijazah Sarjana Pengajian Islam

8.3 Program Doktor Falsafah Bidang Pengajian Islam

8.3.1 Program yang ditawarkan

UNIVERSITI	PROGRAM	YANG DITAWARKAN	BENTUK PROGRAM	TEMPOH PENGAJIAN
UKM	Syariah	Doktor Falsafah Pengajian Islam(Syariah)		
	Usuluddin dan Falsafah	Doktor Falsafah Pengajian Islam(Usuluddin dan Falsafah)		

	Pengajian Arab dan Tamadun Islam	Doktor Falsafah Pengajian Islam(Pengajian Arab dan Tamadun Islam)	Penyediaan Tesis	Sepenuh Masa 6 – 12 Semester Separuh Masa 8 – 14 Semester
	Pengajian Dakwah dan Kepimpinan	Doktor Falsafah Pengajian Islam(Pengajian Dakwah dan Kepimpinan)		
	Pengajian al-Quran dan al-Sunnah	Doktor Falsafah Pengajian Islam(Pengajian al-Quran dan al-Sunnah)		
UM	Syariah	Doktor Falsafah	Penyediaan Tesis	Minima: 4 semester Maksima: 12 semester
	Usuluddin			
	Pengajian Islam			
UIAM	Pengajian Qur'an dan Sunnah	Ijazah Doktor Falsafah (Pengajian Qur'an dan Sunnah)	1. Kerja kursus dan Disertasi 2. Penyediaan Tesis	1. Kerja Kursus dan Disertasi Sepenuh Masa 8 Semester Separuh Masa 12 - 16 Semester 2. Penyediaan Tesis Sepenuh Masa 8 Semester Separuh Masa 12 - 16 Semester
	Usuluddin dan Perbandingan Agama	Ijazah Doktor Falsafah (Usuluddin dan Perbandingan Agama)		
	Fikah dan Usul Fikah	Ijazah Doktor Falsafah (Fikah dan Usul Fikah)		
	Pengajian Linguistik Arab	Ijazah Doktor Falsafah (Pengajian Linguistik Arab)		
	Pengajian Kesusasteraan Arab	Ijazah Doktor Falsafah (Pengajian Kesusasteraan Arab)		
UniZA	Pengajian Syariah	Doktor Falsafah Pengajian Islam(Syariah)		
	Pengajian Usuluddin	Doktor Falsafah Pengajian Islam(Usuluddin)		
	Pengajian Dakwah	Doktor Falsafah Pengajian Islam(Dakwah)		

			Penyediaan Tesis	Sepenuh Masa 6 – 12 Semester Separuh Masa 8 – 14 Semester
	Pengajian al-Quran dan al-Sunnah	Doktor Falsafah Pengajian Islam(Pengajian al-Quran dan al-Sunnah)		
	Pengajian Arab dan Tamadun Islam	Doktor Falsafah Pengajian Islam(Pengajian Arab dan Tamadun Islam)		
	Pendidikan Islam	Doktor Falsafah Pengajian Islam(Pendidikan Islam)		
USIM (FKP)	Dakwah dan Pengurusan Islam	Doktor Falsafah Dakwah dan Pengurusan Islam	Penyediaan Tesis	Sepenuh Masa 6 – 12 Semester Separuh Masa 8 – 14 Semester
USIM (FPQS)	Pengajian Quran dan Sunnah	Doktor Falsafah Pengajian Quran dan Sunnah	Penyediaan Tesis	Sepenuh Masa 6 – 12 Semester Separuh Masa 8 – 14 Semester
USIM (FEM)	Pentadbiran Muamalat	Doktor Falsafah Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat	Penyediaan Tesis	Sepenuh Masa 6 – 12 Semester Separuh Masa 8 – 14 Semester
USIM (FSU)	Syariah dan Kehakiman	Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman	Penyediaan Tesis	Sepenuh Masa 6 – 12 Semester Separuh Masa 8 – 14 Semester
UTM	Fiqh Sains dan Teknologi	Doktor Falsafah Fiqh Sains dan Teknologi	Penyediaan Tesis	Sepenuh Masa 3-6 semester Separuh Masa 5-8 semester

8.3.2 Syarat Kemasukan

IPTA	PROGRAM	KELULUSAN IJAZAH SARJANAMUDA/SARJANA	KELULUSAN LAIN	KEPERLUAN KHUSUS
UKM	Syariah	<p>1. Sarjana Pengajian Islam UKM dan IPT yang diiktiraf Senat</p> <p>2. Calon Ijazah Sarjana Pengajian Islam yang diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menukar status pengajiannya kepada Program Ijazah Doktor Falsafah dengan kelulusan Senat</p>	Kelulusan lain yang setaraf dan mempunyai kelayakan lain atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat	<p>1. Menduduki Ujian Kelayakan Bahasa Arab. Pengecualian diberikan kepada calon yang bahasa ibundanya Bahasa Arab.</p> <p>2. Calon dari luar negara yang tidak mencapai skor minimum TOEFL 550 dan IELTS band 5 diwajibkan menduduki Ujian Kelayakan dan Kecekapan bahasa Inggeris (UKK).</p>
	Usuluddin dan Falsafah			
	Pengajian Arab dan Tamadun Islam			
	Pengajian Dakwah dan Kepimpinan			
	Pengajian al-Quran dan al-Sunnah			
UM	Syariah	Ijazah Sarjana Syariah dengan PNGK 3.0 dan ke atas	ATAU Kelayakan lain yang diluluskan oleh Senat dari masa ke semasa	<p>Bagi calon antarabangsa yang mengikuti dan atau menulis Disertasi dalam Bahasa Inggeris perlu mempunyai sekurang-kurangnya IELTS 6.0 atau TOEFL 550 jika Ijazah Pertama dari Universiti di mana bahasa Inggeris bukan bahasa perantara (penyampaian pengajaran)</p> <p>Atau lulus kursus Bahasa Inggeris yang ditetapkan oleh universiti</p>
	Usuluddin	Ijazah Sarjana Usuluddin dengan PNGK 3.0 dan ke atas		
	Pengajian Islam	Ijazah Sarjana dari bidang lain selain dari bidang Syariah atau bidang Usuluddin dengan PNGK 3.0 dan ke atas		

				Bagi pemohon dengan kelayakan Ijazah Sarjana Muda dengan keputusan cemerlang (PNGK 3.7 dan ke atas atau yang setaraf dengannya) dibenarkan untuk memohon terus ke program ijazah Doktor Falsafah
UIAM	Pengajian Qur'an dan Sunnah	Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan Qur'an/Sunnah.	Kelulusan lain yang setaraf dan mempunyai kelayakan lain atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat	<p>1. Menduduki Ujian Kelayakan Bahasa Arab. Pengecualian diberikan kepada calon yang bahasa ibundanya Bahasa Arab.</p> <p>2. Mencapai skor minimum TOEFL 550 dan IELTS band 6.</p>
	Usuluddin dan Perbandingan Agama	Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan Usuluddin		
	Fikah dan Usul Fikah	Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan Fikah		
	Pengajian Linguistik Arab	Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan Bahasa Arab		
	Pengajian Kesusasteraan Arab	Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan Bahasa Arab		
	Pengajian Pengajaran Bahasa Arab	Ijazah Sarjana dalam program yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar		
UniSA	Pengajian Syariah	Memperoleh kelulusan yang baik dalam Ijazah Sarjana dari mana-mana institusi yang diiktiraf oleh Senat	Kelulusan lain yang setaraf dan mempunyai kelayakan lain atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat	
	Pengajian Usuluddin			
	Pengajian Dakwah			
	Pengajian al-			

	Quran & al-Sunnah			
	Pengajian Arab dan Tamadun Islam			
	Pendidikan Islam			
USIM (FKP)	Dakwah dan Kepimpinan Islam	Calon Ijazah Sarjana dalam bidang yang sesuai dengan bidang yang dipohon daripada USIM ; atau	Kelulusan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana yang sesuai dan mempunyai kelayakan lain atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat	Calon yang menulis di dalam Bahasa Inggeris perlu mencapai skor minimum 460 TOEFL (Paper based) ; atau 140 TOEFL (Computer based) ; atau Band 5 IELTS ;atau Band 3 MUET
	Dakwah dan Pengurusan Islam	Calon Ijazah Sarjana dalam bidang yang sesuai dengan bidang yang dipohon daripada mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat; atau Calon Ijazah Sarjana yang sesuai dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menukar status pengajian kepada Program Ijazah Doktor Falsafah dengan kelulusan Senat.		
USIM (FPQS)	Quran dan Sunnah	Calon Ijazah Sarjana dalam bidang yang sesuai dengan bidang yang dipohon daripada USIM ; atau Calon Ijazah Sarjana dalam bidang yang sesuai dengan bidang yang dipohon daripada mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat; atau	Kelulusan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana yang sesuai dan mempunyai kelayakan lain atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat	Calon yang menulis di dalam Bahasa Inggeris perlu mencapai skor minimum 460 TOEFL (Paper based) ; atau 140 TOEFL (Computer based) ; atau Band 5 IELTS ;atau Band 3 MUET

		Calon Ijazah Sarjana yang sesuai dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menukar status pengajian kepada Program Ijazah Doktor Falsafah dengan kelulusan Senat.		Calon yang menulis di dalam Bahasa Arab perlu lulus kursus Bahasa Arab yang ditentukan oleh universiti
USIM (FEM)	Pentadbiran Muamalat	<p>Calon Ijazah Sarjana dalam bidang yang sesuai dengan bidang yang dipohon daripada USIM ; atau</p> <p>Calon Ijazah Sarjana dalam bidang yang sesuai dengan bidang yang dipohon daripada mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat; atau</p> <p>Calon Ijazah Sarjana yang sesuai dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menukar status pengajian kepada Program Ijazah Doktor Falsafah dengan kelulusan Senat.</p>	Kelulusan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana yang sesuai dan mempunyai kelayakan lain atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat	<p>Calon yang menulis di dalam Bahasa Inggeris perlu mencapai skor minimum 460 TOEFL (Paper based); atau</p> <p>140 TOEFL (Computer based); atau Band 5 IELTS ;atau Band 3 MUET</p> <p>Calon yang menulis di dalam Bahasa Arab perlu lulus kursus Bahasa Arab yang ditentukan oleh universiti</p>

<p>USIM (FSU)</p>	<p>Syariah dan Kehakiman</p>	<p>Calon Ijazah Sarjana dalam bidang yang sesuai dengan bidang yang dipohon daripada USIM ; atau</p> <p>Calon Ijazah Sarjana dalam bidang yang sesuai dengan bidang yang dipohon daripada mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat; atau</p> <p>Calon Ijazah Sarjana yang sesuai dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menukar status pengajian kepada Program Ijazah Doktor Falsafah dengan kelulusan Senat.</p>	<p>Kelulusan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana yang sesuai dan mempunyai kelayakan lain atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat</p>	<p>Calon yang menulis di dalam Bahasa Inggeris perlu mencapai skor minimum 460 TOEFL (Paper based); atau</p> <p>140 TOEFL (Computer based); atau Band 5 IELTS ;atau Band 3 MUET</p> <p>Calon yang menulis di dalam Bahasa Arab perlu lulus kursus Bahasa Arab yang ditentukan oleh universiti</p>
<p>UTM</p>	<p>Fiqh Sains dan Teknologi</p>	<p>Ijazah Sarjana Falsafah (Sains Halal)</p> <p>Atau</p> <p>Ijazah Sarjana Pengajian Islam dari mana-mana institusi yang diiktiraf Senat</p> <p>Atau</p> <p>Ijazah Sarjana dalam bidang lain dari mana-mana institusi yang diiktiraf Senat.</p>		

8.3.3 Jumlah Kemasukan

Bagi kumpulan Doktor Falsafah, hasil analisis dapatan kajian terhadap item kemasukan dari tahun 2006-2010 mendapati jumlah kemasukan yang paling tinggi bagi calon-calon Doktor Falsafah Pengajian Islam ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu seramai 430 orang

(purata 86 orang setahun) diikuti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 234 orang (purata 46.8 orang setahun), Akademi pengajian Islam Universiti Malaya (UM) 210 orang (purata 42 orang setahun), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 184 orang (purata 36.8 orang setahun) dan akhir sekali Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) seramai 8 orang (purata 1.6 orang setahun).


8.3.4 Jumlah Enrolmen

Bagi item enrolmen Doktor Falsafah Pengajian Islam yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam Tempatan (IPTA) pula, analisis dapatan kajian menunjukkan jumlah enrolmen yang paling tinggi bagi kumpulan Doktor Falsafah ini ialah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), iaitu 1435 orang (purata 287 orang setahun), diikuti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 721 orang (purata 144.2 orang setahun), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 526 orang (purata 105.2 orang setahun), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 262 orang (purata 52.4 orang setahun) dan akhir sekali Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) iaitu 8 (purata 1.6 orang setahun).

8.3.5 Jumlah Graduasi

Akhir sekali, dapatan kajian terhadap jumlah graduasi Doktor Falsafah Pengajian Islam yang ditawarkan IPTA mengikut universiti-universiti yang menawarkan pengajian Islam mendapati Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), iaitu 121 orang pelajar (purata 58.4 orang setahun) 24.2, diikuti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 70 orang (purata 14 orang setahun), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 60 orang (purata 12 orang setahun) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 3 orang (purata 0.6 orang setahun). Manakala Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) belum lagi mengeluarkan graduan bagi tempoh berkenaan. Perincian kepada keseluruhan analisis dapatan kajian di atas dapat dilihat pada rajah 3 di bawah;

Rajah 3: Profil pelajar Doktor Falsafah Pengajian Islam IPTA Malaysia



*UiTM dan UTM belum menawarkan ijazah Doktor Falsafah Pengajian Islam.

8.6 Profil Tenaga Akademik Bidang Pengajian Islam

Kajian berkenaan profil tenaga akademik pengajian Islam dari aspek kelulusan dan kelayakan, penyelidikan, penerbitan, perundingan serta sumbangan ahli-ahli akademik kepada masyarakat juga telah melibatkan ahli-ahli akademik lulusan pengajian Islam dari tujuh buah universiti yang telah menawarkan program-program pengajian Islam. Universiti-universiti tersebut adalah seperti berikut;

- A. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- B. Universiti Malaya (UM)
- C. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

- D. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- E. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
- F. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- G. Universiti teknologi Mara (UiTM)

Bagi memudahkan memahami profil ahli-ahli akademik yang terlibat, laporan ini akan membahagikan penulisan laporan ini kepada lima iaitu, kelulusan/kelayakan, penyelidikan, penerbitan, perundingan dan sumbangan.

8.6.1 Kelulusan dan kelayakan


Bagi item kelulusan dan kelayakan tenaga akademik pengajian Islam, Hasil analisis dapatan kajian menunjukkan bilangan pensyarah yang memiliki ijazah PhD secara keseluruhan adalah 332 orang. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) memiliki jumlah yang paling ramai pensyarah yang memiliki ijazah Doktor falsafah (PhD) iaitu seramai 97 orang, diikuti oleh Universiti Malaya (UM) 72 orang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 57 orang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) seramai 52 orang, Universiti teknologi Malaysia 20 orang, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 18 orang dan yang terakhir Universiti Teknologi Mara (UiTM) seramai 12 orang. Jelasnya, Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan UIAM mempunyai pensyarah paling ramai yang memiliki ijazah Doktor Falsafah (PhD) manakala UiTM merupakan universiti yang paling rendah yang memiliki ijazah kedoktoran (PhD). Perincian dapatan adalah seperti jadual di bawah;

Jadual 1: Analisis profil pensyarah pengajian Islam Malaysia IPTA mengikut universiti berdasarkan kelayakan dan kelulusan

Institusi	Ijazah Sarjana Muda	Ijazah Sarjana	Ijazah Doktor Falsafah	Total Tenaga Pengajar
UIA	110	109	97	110
UKM	102	101	52	102
APIUM	105	91	72	106
UNISZA	87	83	18	87
UiTM	64	64	12	64
FSU				
USIM	59	59	15	59
UTM	44	40	20	44
FPQS				
USIM	43	37	13	43
FEM				
USIM	35	31	24	35
FKP				
USIM	17	16	5	18
Jumlah Pensyarah Pengajian Islam di Malaysia				668

Analisis dapatan kajian juga menunjukkan peratusan Ijazah Doktor Falsafah di Malaysia seramai 311, iaitu kira-kira 49.1% dari jumlah ahli akademik secara keseluruhan. Ini menunjukkan tenaga pensyarah berkelulusan Doktor Falsafah di bidang-bidang pengajian Islam di seluruh IPTA di Malaysia adalah pada tahap sederhana. Perincian dapatan kajian tersebut boleh di lihat pada rajah 4 di bawah,

Rajah 4: Kelulusan/kelayakan Ahli-ahli Akademik Pengajian Islam di IPTA Malaysia



8.6.2 Penyelidikan

Analisis dari aspek penyelidikan di buat berdasarkan kadar penerimaan geran yang telah diterima oleh pensyarah dalam sesebuah IPTA. Ada terdapat dua jenis geran yang diterima oleh IPTA, pertama geran dari universiti dan kedua, geran dari luar universiti. Dalam hal ini, hasil analisis dapatan kajian mengenai penyelidikan berdasarkan penerimaan geran universiti menunjukkan Universiti Malaya (UM) telah mencapai bilangan yang paling tinggi dari pelbagai IPTA yang menawarkan pengajian Islam iaitu iaitu 218, diikuti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 110, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 107, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 53, Universiti Teknologi Mara (UITM) dan Universiti Malaya (UM) sebanyak 21, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 9 dan yang akhir sekali Universiti Teknologi Malaysia

iaitu 6. Jelasnya, keseluruhan dapatan kajian menunjukkan UIAM telah mencapai jumlah penyelidikan geran universiti yang tertinggi di peringkat universiti manakala UTM adalah yang paling rendah.

Bagi geran luar pula, hasil dapatan kajian menunjukkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mencapai bilangan yang paling tinggi iaitu 35, diikuti oleh Universiti Islam Sains Malaysia (USIM) 19 (FSU dan FEM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 10, Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Mara (UITM) masing-masing memperoleh 9, Univeristi Teknologi Malaysia (UTM) 6, Universiti Malaya (UM) 2 dan yang paling rendah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 0. Jelasnya, dapatan ini menunjukkan keseluruhan dapatan kajian mendapati USIM telah mencapai jumlah geran luar yang paling tinggi manakala UniSZA yang paling adalah yang paling rendah rendah.


Jadual 2: Profil pensyarah pengajian Islam Malaysia IPTA mengikut universiti berdasarkan penyelidikan dan jenis geran

Institusi	Geran Universiti	Geran Luar	Total penyelidikan
UM	218	9	227
UKM	126	35	161
UIA	110	10	120
FEM USIM	53	1	54
FKP USIM	36	0	36
UiTM	21	9	30
FPQS USIM	18	0	18
FSU USIM	0	18	18
UTM	6	6	12
UNISZA	9	0	9

Setelah diteliti dan di campurkan kedua-dua geran tersebut, hasil dapatan kajian menunjukkan Universiti Malaya (UM) telah mencapai bilangan yang penerima geran penyelidikan yang paling tinggi iaitu 227, diikuti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 161, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 126, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 120, Universiti Teknologi Mara (UITM) 30, Universiti Malaya (UM) 23, Univeristi Teknologi Malaysia (UTM) 12 dan yang

terakhir Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 9. Perincian dapatan kajian tersebut adalah seperti berikut;

Rajah 5 : Profil pensyarah pengajian Islam Malaysia IPTA mengikut universiti berdasarkan penyelidikan dan jenis geran




8.6.3 Penerbitan

Melihat dari aspek penerbitan, hasil analisis dapatan kajian menunjukkan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya telah mencapai bilangan peratusan yang paling tinggi di dalam penerbitan iaitu 1109, diikuti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 580, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UAIM) 404, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 284, manakala Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebanyak 91, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 64. Jelasnya, keseluruhan dapatan kajian menunjukkan UKM telah mencapai jumlah bilangan penerbitan universiti yang tertinggi di peringkat universiti manakala UM adalah yang paling rendah.


Melihat dari aspek jenis penerbitan jurnal yang dikeluarkan sepanjang tahun 2006-2010 oleh setiap universiti, hasil analisis dapatan kajian menunjukkan kebanyakan artikel dalam bentuk penerbitan jurnal adalah paling banyak diterbitkan iaitu iaitu 28%, diikuti oleh Prosiding sebanyak 23%, Bab dalam buku 18%, Buku 14%, Ruangan Agama 10% dan yang terakhir Artikel sebanyak 7%. Jelasnya, keseluruhan dapatan kajian menunjukkan kebanyakan universiti di Malaysia banyak menerbitkan artikel dalam Jurnal Fakulti berbanding menerbitkan Artikel dalam bentuk-bentuk lain. Perincian analisis dapatan tersebut dapat dilihat pada jadual dan rajah di bawah,

Rajah 6: Profil pensyarah pengajian Islam Malaysia IPTA mengikut universiti berdasarkan Penerbitan




* FSU USIM, UiTM, APIUM dan FKP USIM tidak melaporkan jenis penerbitan dengan lengkap

Rajah 7: Profil pensyarah pengajian Islam Malaysia IPTA mengikut universiti berdasarkan penerbitan




Rajah 8: Profil pensyarah pengajian Islam Malaysia IPTA mengikut universiti berdasarkan Jenis penerbitanyang dikeluarkan 2006-2010



8.6.4 Perundingan

Analisis dari aspek penglibatan pensyarah pengajian Islam dalam aspek Perundingan antarabangsa, kebangsaan dan negeri dalam universiti, hasil analisis dapatan kajian menunjukkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah mencapai bilangan yang perundingan tertinggi dari pelbagai IPTA yang menawarkan pengajian Islam iaitu 47.06%, diikuti oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) 27.06%, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 8.24% Universiti Malaya (UM) 4.71% manakala bagi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) masing-masing 0%. Jelasnya, keseluruhan dapatan kajian menunjukkan UIAM telah mencapai jumlah bilangan aspek perundingan yang tertinggi di peringkat universiti manakala UKM, UTM dan UNISZA adalah yang paling rendah. Perincian dapatan tersebut boleh dilihat dalam rajah di bawah,


Rajah 9: Analisis profil pensyarah pengajian Islam Malaysia IPTA mengikut universiti berdasarkan aspek perundingan



8.6.5 Sumbangan

Akhir sekali analisis dari aspek sumbangan pensyarah kepada masyarakat. Secara keseluruhan, hasil analisis dapatan kajian menunjukkan Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM USIM) mendahului bilangan pencapaian yang paling tinggi dalam sumbangan tenaga akademik kepada masyarakat dari pelbagai IPTA yang menawarkan pengajian Islam iaitu 45.71%, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 39.02 %, Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU USIM) 30.51%, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FQS USIM) 20.93%, Universiti Teknologi Mara (UITM)15.63%, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 12.73%, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP USIM) 11.11%, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM)10.38%, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) 6.82 % dan yang akhir sekali Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) iaitu 5.75% orang. Jelasnya, keseluruhan dapatan kajian menunjukkan USIM telah mencapai jumlah bilangan tertinggi dari aspek sumbangan kepada masyarakat berbanding dengan IPTA lain.

Rajah 10: Profil pensyarah pengajian Islam Malaysia IPTA mengikut universiti Berdasarkan sumbangan



9. PENUTUP

Penyelidikan ini adalah asas kepada skala penyelidikan yang lebih besar sebagaimana yang direncanakan oleh Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Jadual-jadual dan rajah-rajah yang telah dibentangkan ini bukan bermaksud memberi penarafan dalam bentuk *ranking* antara institusi-institusi pengajian Tinggi Awam yang menawarkan program dalam bidang pengajian Islam. Sebaliknya, hasil kajian tersebut adalah gambaran situasi yang sedang berlaku dalam jangka masa lima tahun kebelakang dan sebagai panduan untuk institusi-institusi yang terlibat membuat perencanaan, perancangan , pembangunan dan hala tuju bagi program pengajian Islam untuk masa akan datang.